

Newspaper	Date	Column/Page
Utusan	22 Aug 2011	Online

Nelayan, petani, warga emas terima zakat

BACHOK 21 Ogos - Lebih 4,000 nelayan, petani dan warga emas di jajahan ini mendapat bantuan wang tunai menerusi pengagihan wang zakat berjumlah RM400,000 bagi meringankan beban mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, sumbangan itu dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang berkaitan kerajaan (GLC) seperti Uda Holding Bhd., Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Percetakan Nasional Malaysia Bhd (PNMB).

Negeri Kelantan paling banyak mendapat sumbangan dari GLC memandangkan negeri ini mempunyai penduduk miskin yang ramai berbanding negeri-negeri lain, termasuk di jajahan Bachok yang sememangnya perlu diberi bantuan yang diperlukan,+ katanya kepada pemberita ketika menyampaikan zakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tawang di sini, hari ini.

Awang Adek yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan berkata, sumbangan itu disampaikan secara berperingkat yang membabitkan tiga DUN iaitu Jelawat, Perupuk dan Tawang.

Selain itu beliau berkata, lebih 100 pelajar cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) ke peringkat diploma turut mendapat sumbangan wang ihsan pada majlis yang berasingan.

Agihan bantuan kepada pelajar ini dilaksanakan secara telus tanpa mengira fahaman politik keluarga masing-masing asalkan mereka adalah pelajar cemerlang yang berkelayakan untuk ke IPT,+katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Pengagihan Wang Ihsan Kelantan berkata, setiap pelajar masing-masing mendapat bantuan RM500 bagi meringankan beban mereka membuat persediaan awal ke IPT memandangkan pada masa yang sama ibu bapa mereka turut berbelanja untuk menyambut hari lebaran.